

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 MAC 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6

Jumlah miskin tegar diketahui selepas PADU dikemas kini

Jumlah miskin tegar diketahui selepas PADU dikemas kini

Ketika ini, jumlah miskin tegar yang dicatatkan adalah 0.2 peratus daripada keseluruhan rakyat Malaysia

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD
KUALA LUMPUR

Angka sebenar mengenai kumpulan miskin tegar dijangka diperolehi selepas sistem Pangkalan Data Pusat (PADU) dikemas kini sepenuhnya.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, ketika ini, jumlah miskin tegar yang dicatatkan menerusi laporan rasmi adalah 0.2 peratus daripada keseluruhan rakyat di negara ini.

Menurutnya, kadar kemiskinan tegar di negara ini mencatatkan penurunan kepada 0.2 peratus atau 18,445 isi rumah.

"Survei Pendapatan dan Perbelanjaan

Isi Rumah mencatatkan penurunan berbanding satu peratus pada 2020.

"Data eKasih di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri pula merekodkan pengurangan dengan jumlah isi rumah miskin tegar sebanyak 80,000 Ketua Isi Rumah sehingga akhir tahun lalu," katanya di Dewan Rakyat pada Khamis.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Datuk Seri Ismail Mutalib (PN-Maran) berhubung jumlah kemiskinan tegar yang tepat kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan bahawa ia akan dinuktahkan.

Menurut Rafizi, konsep menuktahkan kemiskinan tegar adalah langkah yang diperhalusi Kabinet untuk mengambil pendekatan ekonomi selepas mengetahui jumlah sebenar di negara ini.

"Miskin sifar bermaksud kadar kemiskinan tegar yang dilaporkan setiap ta-



RAFIZI

hun daripada pelaporan rasmi negara sebagai data rasmi kepada dunia.

"Setiap tahun sasaran mengeluarkan individu miskin tegar ini berdasarkan pelaporan rasmi berkenaan tetapi sifar miskin atau menuktahkan tidak bermaksud tiada langsung orang miskin tegar kerana kemiskinan itu relatif. Kalau begitu, tidak perlulah ada zakat," ujarnya.

Menjawab pertanyaan tambahan Ismail mengenai data eKasih, Rafizi berkata, ia perlu dibersihkan dari semasa ke semasa kerana didapati ada perenerima bantuan itu tidak mahu dikeluarkan daripada senarai walaupun pendapatan mereka bertambah baik.

"Kerajaan akan terus mengemas kini data eKasih untuk digabungkan dalam sistem PADU bagi membolehkan kerajaan mendapatkan maklumat yang lebih baik dan tepat mengenai jumlah orang miskin tegar di negara ini," ujar beliau.